

ALUAN PEMBUKAAN
WELCOMING REMARKS

*Wan Abdul Fattah Wan Ismail

Director, International Seminar on Syariah and Law (INSLA) 2020

Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

*(Corresponding author) email: wanfattah@usim.edu.my

بسم الله الرحمن الرحيم والحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين... والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kasih dan kurnia-Nya jua, perancangan untuk mengadakan “seminar antarabangsa syariah dan perundangan” atau “International Conference On Syariah and Law (INSLA 2020)” dapat dilaksanakan sepertimana yang telah dirancang.
2. INSLA 2020 merupakan kali kedua diadakan dan kali pertamanya ialah pada tahun 2018.
3. INSLA 2020 diusahakan sebagai satu acara dwi-tahunan yang mengumpulkan ahli-ahli akademik, pengamal-pengamal undang-undang dan syariah serta mereka yang berminat di dalam bidang ini bagi membincangkan isu-isu terpilih syariah dan undang-undang yang disampaikan oleh tokoh-tokoh perundangan dari dalam dan luar negara.
4. Sekalipun dilaksanakan secara atas talian 'online', Penyertaan INSLA kali ini amat memberangsangkan. Kita telah menerima lebih 100 kertas kerja terutama dari Malaysia, negara-negara Asean, timur Tengah dan lain. Kertas kerja ini ditulis dalam bahasa Malaysia, Arab dan juga Inggeris.

5. Memandangkan Covid-19 telah melanda hampir seluruh negara-negara di dunia, maka tema INSLA 2020 yang telah dipilih ialah “Hala Tuju Syariah Dan Undang-Undang Mendeapani Pandemik Covid-19”.
6. Yang menariknya, kali ini kita menampilkan beberapa tokoh tersohor tanah air sebagai pengucap tama atau keynote speaker yang akan membicarakan isu-isu berkisar dengan COVID 19 iaitu: (YB Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), (Tun Zaki Tun Azmi) Mantan ketua hakim negara dan (Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar), Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
7. Pandemik Covid-19 yang kita semua hadapi sekarang ini bukan sahaja melibatkan kematian lebih 1 juta orang, bahkan ia melibatkan pelbagai isu lain yang timbul melibatkan hukum-hakam, perundangan dan sebagainya. Diharapkan dengan seminar INSLA 2020 ini, akan menjadi medan perbincangan dan percambahan minda bagi mewujudkan satu resolusi yang tuntas dalam menyelesaikan pelbagai isu khususnya berkaitan dengan pandemik Covid-19.

يَتِمُّ تَنْظِيمُ هَذَا الْمُؤْتَمَرِ كَحَدِثٍ نَصَفِ سَنَوِي يَجْمَعُ بَيْنَ الْأَكَادِمِيِّينَ وَالْمُمَارِسِينَ الْقَانُونِيِّينَ وَالشَّرِيعَةَ
بِإِلْضَافَةٍ إِلَى الْمُهْتَمِّينَ فِي هَذَا الْمَجَالِ لِمُنَاقَشَةِ قَضَايَا مُخْتَارَةٍ فِي الشَّرِيعَةِ وَالْقَانُونِ مُقَدِّمَةً مِنْ شَخْصِيَّاتٍ
قَانُونِيَّةٍ مِنْ دَاخِلٍ وَخَارِجِ الْبِلَادِ.

على الرغم من تنفيذها عبر الإنترنت، فإن مشاركة INSLA هذه المرة مُشَجَّعَةٌ لِلْغَايَةِ. لقد قبلنا
أكثر من مائة بحثٍ بشكلٍ رئيسي من ماليزيا ودُولِ الآسيان والشرق الأوسط وغيرها. والأوراقُ
البحثيةُ المقدمةُ شَمِلَتِ اللُّغَةَ الْمَالِيزِيَّةَ وَالْعَرَبِيَّةَ وَالْإِنْجَلِيزِيَّةَ.

ومن دُوعي سرورنا أننا نتشرف هذه المرة بعض الشخصيات المرموقة في الدولة كمتحدثين رئيسيين وسوف يطرحون بعض القضايا ذات العلاقة بكوفيد 19، وهم: (سيناتور YB داتوك الدكتور ذو الكفل محمد البكري)، الوزير رئيس الوزراء (الشؤون الدينية)، (تون زكي) تون عزمي) رئيس القضاء السابق و (داتوك الدكتور محمد نعيم مختار)، مدير عام دائرة القضاء الشرعي في ماليزيا

8. Akhir sekali, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh AJK yang bertungkus lumus tidak kira siang dan malam bagi menjayakan INSLA 2020. Hanya Allah yang layak untuk membalas setiap titik peluh mereka.
9. Begitu juga pihak kepada pihak pengurusan fakulti dan USIM yang sentiasa memberi sokongan bagi mengerakkan seminar ini. Tidak lupa juga kepada seluruh pembentang yang telah memberi kerjasama yang mantap dengan mengikut segala garis panduan yang telah ditetapkan oleh jawatan kuasa INSLA.
10. Akhir sekali, sama-sama lah kita doakan, agar Allah SWT segera mengangkat pandemik COVID 19 khususnya di Malaysia dan seluruh dunia amnya. semoga kita semua boleh meneruskan Kehidupan seperti sedia kala. Amin.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته